


HUKUM DAYA TARIK

Kunci kejayaan, kebahagiaan dan kekayaan dunia akhirat



DR. AZU SHAHADAN

Dr. Hjh. Azuraida Shahadan

Ed. Leadership, California State University ||

Cognitive Fitness, Harvard ||



PUSTAKA PERDANA



1013538

CAPAI IMPIAN

MENGGUNAKAN

HUKUM DAYA TARIK


www.drazu.com.my || www.mindtune.com.my

Copyright Author, 2022



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Diterbitkan oleh
Dr. Hjh. Azuraida Shahadan
39-2 Level 39 Binjai 8 Premium Soho
Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 014-4006765
www.drazu.com.my
dr.shahadan@gmail.com

 Dr. Hjh. Azuraida Shahadan
Hakcipta © Dr Azuraida Shahadan

Ogos 2022
© Dr. Hjh. Azuraida Shahadan

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain sama ada dengan cara digital, elektronik, mekanik, gambar, rakaman, fotokopi dan sebagainya tanpa izin pemilik.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Dr. Hjh. Azuraida Shahadan, 1984-
HUKUM DAYA TARIK
ISBN 9789671346693

1. Dr. Azu Shahadan, 1984

Penyelaras Projek
DRAZU ACADEMY

Dicetak oleh
Firdaus Press
Taman Perindustrian Bukit Serdang, 43300
SeriKembangan, Selangor

KANDUNGAN

SEKILAS KATA.....	7
PENGENALAN.....	10
PENGHORMATAN	14
ILMU DAN KETENTUAN ALLAH.....	16
HUKUM DAYA TARIK: BUKAN KEBETULAN.....	31
FAHAMI IMPAK HUKUM DAYA TARIK.....	49
BAGAIMANA MENGUBAH KEHIDUPAN MELALUI HUKUM DAYA TARIK ?	52
TEKNIK HUKUM DAYA TARIK #1.....	62
TEKNIK HUKUM DAYA TARIK #2.....	67
MAMPUKAH HUKUM DAYA TARIK MENGUBAH KEHIDUPAN KITA?	71
KELEBIHAN HUKUM DAYA TARIK.....	77
NOTA SEMAKAN	79

LATIHAN PENGUKUHAN	82
PENUTUP	83
TESTIMONI KEJAYAAN.....	85

**Reality is made on our perception.
Have faith and believe in yourself
and your creator**

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Habib Nael Ben Thohir, Habib Hussien Al Junid, Ustaz Ali Redha Mulakhela dan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan yang sudi untuk meluangkan masa menelaah buku ini. Jazak Allahu Khayran

- Dr. Hjh. Azuraida Shahadan



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

SEKILAS KATA

“Sesuatu yang mustahil bagi manusia, tak pernah mustahil bagi Allah. Apabila kita inginkan sesuatu, kita harus yakin pada diri kita dan yakinlah pada Allah.”

Dalam dunia ini, ada tiga cara untuk seseorang manusia itu dapat memenuhi impian mereka. Cara pertama adalah dengan bekerja keras atau kita panggil “work hard”. Bila kita bekerja keras, siang dan malam membanting tulang atau melakukan sesuatu, maka di situ akhirnya kita mampu mendapatkan impian kita.

Sebagai contoh, jika kita ingin mendapatkan sebuah projek berjumlah Ringgit Malaysia seratus ribu, maka kita akan mula mencari sumber atau agensi yang boleh menawarkan kita jumlah tersebut. Kita akan tulis kertas cadangan, buat carian dalam talian, turun untuk meeting bersama mereka, dan pelbagai lagi. Dan hasil daripada kerja keras kita, kita akan dapat apa yang kita impikan itu.

Cara kedua adalah dengan bekerja pintar atau "work smart". Banyak situasi kita boleh "work smart". Sebagai contoh, jika kita ingin berniaga, kita tidak perlu bermula dari bawah sebaliknya kita boleh mencari rakan niaga yang telah memulakan perniagaan dan kemudian kita bekerjasama dengan beliau untuk membangunkan perniagaan tersebut.

Cara ketiga, ramai yang terlepas pandang atau ada antara kita yang tidak pernah menggunakan cara ini langsung, iaitu, "work it miracle way" atau dengan kuasa Allah. Kita selalu dengar ada individu yang menang cabutan bertuah, dan ada pula yang sering mendapat hadiah, atau ada individu yang apabila memikirkan sesuatu, maka rezeki yang tidak diduga hadir mengetuk pintu. Ya, inilah miracle way.

Konsepnya, kita harus tahu bagaimana menggunakan cetus fikiran kita untuk berfikir dan menarik apa sahaja yang kita impikan untuk datang dalam kehidupan kita. Contoh paling mudah, bila kita duduk di rumah dan tiba-tiba ada jiran yang datang menghantar makanan ketika perut kita lapar.



Atau dalam contoh lain, Ketika hari lahir kita, seseorang menghadiahkan wang tunai atau barangan berharga kepada kita. Ya. Inilah "the miracle way" yang juga disebut sebagai Teknik Hukum Daya Tarik.

Sebagai manusia, kita mempunyai pilihan, sama ada mahu 'work hard', 'work smart' atau 'work it miracle way'.

Buku ini akan merungkai bagaimana kita mampu mencapai impian kita melalui cara ketiga iaitu 'work it miracle way' menggunakan Teknik Hukum Daya Tarik.

Hukum Daya Tarik adalah suatu ilmu yang mampu mengubah kehidupan anda. Saya doakan semoga pengembaraan pembacaan ini membawa manfaat dan menjadi asbab anda mencapai apa juga bentuk impian anda, InshaAllah.

Dr. Hjh. Azuraida Shahadan
Penulis

PENGENALAN

Di dalam mengharungi kehidupan, **PERNAHKAH** persoalan dan perkara berikut terjadi pada diri anda?

1 Apabila kita teringat akan seseorang, tiba-tiba kita mendapat SMS atau panggilan telefon daripada orang berkenaan?

Sering terjadi dalam kehidupan saya, apabila saya teringatkan dua orang sahabat baik saya semasa di Amerika, dengan tidak semena-mena saya akan menerima panggilan atau pesanan ringkas daripada mereka. Pernah pada hari



raya yang lepas, bila saya teringat akan Erica Pyne, dengan tiba-tiba Erica muncul di pintu rumah saya di Malaysia! Beliau terbang daripada Amerika untuk menziarahi saya pada hari raya. Pernahkah perkara sebegini berlaku dalam hidup anda?





2 Apabila kita tertikir untuk membeli pakaian berjenama tertentu, tiba-tiba muncul iklan mengenai pakaian tersebut di wall facebook atau di kaca tlevisyen. Kita pun tertanya-tanya pada diri, "eh, macam mana facebook ni boleh tahu apa yang aku fikirkan ni ya?"

Ada masa, bila kita ke aplikasi google, pun iklan yang sama akan keluar pada paparan screen kita. Fuh, hebat sungguh teknologi mampu membaca fikiran kita.

3 Apabila kita terfikir untuk membeli tas tangan berjenama tertentu, tiba-tiba kita mendapat hadiah daripada seseorang berupa tas tangan yang kita mahukan itu. Mungkin ini berlaku ketika hari jadi kita, atau ketika dengan tiba-tiba, ada sahabat yang sudi menghadihkan kita kerana jasa dan pengorbanan kita.

Ini memang sering berlaku ke atas diri saya. Dua tahun yang lepas, ketika saya memikirkan untuk mendapatkan sebuah tas tangan berjenama Louis Vuitton, pada keesokkan harinya adik saya telah menghadihkan saya sebuah tas tangan LV.



"Alhamdulillah, lepas kelas dr Azu tu, ada dua orang jutawan call dan jumpa saya. Diorang offer saya untuk join company mereka"

"Saya dah rasakan keajaiban, apa yang saya fikirkan, Allah kurniakan dalam keadaan yang tidak disangka-sangka"

"Peniagaan yang saya buat restock daripada 60 botol kepada 600 botol dalam masa 4 hari"

Telah ramai individu di luar sana yang telah berjaya mencapai impian mereka dengan hanya memahami Konsep Hukum Daya Tarik. Anda bebas menarik apa sahaja impian anda, walau sekecil impian untuk memperolehi barangan kemas secara percuma atau sebesar impian untuk di lamar jutawan, semuanya tidak mustahil melalui ilmu yang dikongsikan dalam buku ini.

ISBN 978-967-13466-9-3



9 78 967 1 3466 93

Hukum Daya Tarik

£13.90 / RM59.90



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA